

TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PECAH TANAH PROJEK NAIK TARAF SISTEM SALIRAN DI
TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA
PADA 15 JUN 2014 (AHAD) , JAM 10.00 PAGI

Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,
Pembangunan Desa dan Kesihatan

Yang Dihormati Ahli - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Haji Mohamud

Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

.....

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YB Dr Afif Bin Bahardin, YB Lim Hock Seng, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama ke Majlis Pecah Tanah Projek Naik taraf Sistem Saliran di Taman Siakap pada pagi ini.

Projek Naik Taraf Sistem Saliran di Taman Siakap ini dijalankan ekoran masalah banjir kilat yang sering berlaku di sini. Kawasan yang sering dilanda banjir kilat adalah Tingkat Siakap 9, Tingkat Siakap 11 dan Lorong Siakap 12.

YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan,

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengambil inisiatif melalui peruntukan Wang Caruman Perparitan untuk melaksanakan projek naik taraf sistem saliran ini. Jawatankuasa Tebatan Banjir telah meluluskan peruntukan kepada MPSP sebanyak RM 2 juta untuk melaksanakan keseluruhan projek ini.

Untuk makluman semua, kerja-kerja bagi projek naiktaraf ini telah pun bermula pada 6 Mei 2014 yang lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada 19 Januari 2015. Projek ini akan mengambil masa kira-kira 37 minggu

dan kos keseluruhan projek sebanyak RM1,999,916.15. Kontraktor bagi projek ini adalah HRJ Profile Sdn Bhd.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Tujuan utama projek naik taraf ini dijalankan bukan semata-mata tertumpu kepada langkah mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan ini, tetapi ianya juga untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan keselesaan kepada penduduk setempat, membaiki dan menaik taraf sistem perparitan yang uzur.

Masalah utama yang berlaku disini sebenarnya berpunca daripada sistem perparitan sediaada yang tidak mencukupi dan tidak sempurna, pembentung sediaada yang kecil dan sering tersumbat dan juga rumah pam sediaada tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana sampah sarap yang dibuang ke dalam sistem saluran menyebabkan saluran air tersumbat.

Skop projek naik taraf sistem perparitan ini merangkumi aspek :

- I. Menaiktaraf sistem perparitan sediaada kepada Parit 'U' bersaiz 3000mm x 1200mm sepanjang 150 m.

- II. Membina kolam takungan banjir dengan kapasiti takungan sebanyak 8500m³ berserta *railing* untuk keselamatan penduduk.
- III. Menurap semua jalan yang telah dikorek.

Saya difahamkan dengan terlaksananya projek ini, dianggarkan sebanyak 100 buah rumah akan memperolehi manfaat dari projek ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sepanjang tahun 2013 yang lalu, MPSP telah melaksanakan beberapa projek naik taraf infrastruktur di sekitar Seberang Perai antaranya ialah :

1. Projek Tebatan Banjir Sg. Rambai, Sistem Perparitan & Rumah Pam Taman Desa Damai
2. Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Perparitan Dan Infrastruktur Di Sekitar Taman Tangling, SPS.
3. Menaiktaraf Longkang dan Jalan di Taman Nibong Tebal, SPS.
4. Menaiktaraf Parit dan Kolam Takungan di Taman Remia, Bukit Mertajam

Untuk makluman hadirin sekalian, melalui Fokus MPSP 2014, Kawalan Banjir adalah Fokus ke-4 MPSP. MPSP telah merangka projek-projek

mitigasi banjir di kawasan *hotspot* iaitu cadangan menaik taraf sistem perparitan di Lengkok Tenggara, Seberang Jaya, cadangan menaik taraf sistem perparitan di Taman Kerjasama, Bukit Tengah dan cadangan pemasangan pintu air di Parit Monsun Taman Bagan.

Akhir kata, saya ingin menyeru kepada semua penduduk setempat agar bersama-sama membantu menjaga kebersihan kawasan sekitar terutamanya saluran longkang dan parit supaya tidak tersumbat dengan sampah-sarap. Apabila sampah dibuang sesuka hati ke dalam saluran air, maka kecenderungan untuk tersumbat sehingga menyebabkan banjir kilat adalah lebih besar.

Saya juga berharap tuan-tuan dan puan-puan semua dapat memberikan kerjasama yang baik sepanjang tempoh pelaksanaan projek ini agar semuanya berjalan dengan lancar dan sempurna.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.